



كامرکتوا حاکم شرعي محکمہ شرعيہ نگري ملاک

KAMAR KETUA HAKIM SYARIE
MAHKAMAH SYARIAH NEGERI MELAKA
KOMPLEKS MAHKAMAH SYARIAH,
JALAN AYER KEROH LAMA,
HANG TUAH JAYA,
75450 AYER KEROH, MELAKA.

Telefon : 06 - 233 2050

Sambungan : 3501

Faks : 06 - 2311275

Laman Web : <http://www.mahsyariahmelaka.gov.my>

Rujukan : MSNM100-1/6/3()

Tarikh : **25** Ogos 2015

Yang Arif Hakim Mahkamah Tinggi Syariah,
Tuan Ketua Pendaftar,
Tuan/Puan Hakim Mahkamah Rendah Syariah,
Tuan/Puan Pegawai Sulh,
Tuan/Puan Penolong Pendaftar,
Tuan/Puan Pembantu Hakim,
Tuan/Puan Peguam Syarie,
Pihak-pihak yang berurusan di Mahkamah Syariah,

Yang Arif / Tuan / Puan,

ARAHAN KETUA HAKIM SYARIE NEGERI MELAKA BIL.5 TAHUN 2015

Pengenalpastian Ekshibit Yang Disebut Dalam Sesuatu Affidavit

Saya ingin menarik perhatian Yang Arif / Tuan / Puan kepada keputusan Muzakarah Hakim Syarie Mahkamah Syariah Negeri Melaka bil.2 tahun 2015 pada 30 hingga 31 Julai 2015 di Kompleks Mahkamah Syariah Melaka telah bersetuju memutuskan bahawa;

1. Sesuatu affidavit yang diangkat sumpah oleh pihak-pihak di hadapan Pendaftar / Hakim adalah memadai dengan mengemukakan salinan ekshibit. (salinan fotostat) tanpa perlu menunjukkan dokumen yang asal untuk pengenalpastian ekshibit **DAN** fi dikenakan bagi setiap ekshibit yang dikenalpasti melalui salinan-salinan ekshibit yang dilampirkan bersama affidavit.
2. Sekiranya salinan ekshibit (yang telah dikenalpasti semasa affidavit diangkat sumpah semasa pendaftaran kes) didapati ada keraguan **ATAU** kesahihannya dipertikaikan, maka Pendaftar / Hakim boleh meminta dokumen asal ditunjukkan semasa sebutan / perbicaraan.
3. Arahan Ketua Hakim Syarie Negeri Melaka Bil.4 Tahun 2015 adalah berkaitan.

Arahan ini berkuatkuasa serta merta.

Sekian, terima kasih.

"SYARIAH ASAS KEADILAN"

Saya yang menurut perintah,

(YAA MOHD RADZI BIN HJ ABD LATIF)

Ketua Hakim Syarie
Mahkamah Syariah Negeri Melaka